

SOALAN NO. 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK BUNG MOKTAR
BIN RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menarik orang ramai mendaftar untuk jadi pemilih. Apakah usaha yang sedang dan telah dibuat oleh Kerajaan bagi memudahkan orang awam membuat pendaftaran terutamanya kepada penduduk luar bandar.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menarik lebih ramai warganegara untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini termasuklah menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran di pusat membeli-belah, pusat rekreasi, kawasan penempatan penduduk, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pusat-pusat latihan yang berkaitan. SPR juga sentiasa terbuka untuk menerima jemputan untuk menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran sekiranya terdapat jemputan bagi penganjuran program-program berkaitan.

Selain itu, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kaunter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat-Pejabat Pos serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

SPR telah mengadakan pelbagai aktiviti kesedaran dengan lebih berkesan termasuk menggunakan pelbagai saluran media dan juga melalui program turun padang/*outreach*. SPR juga telah menjalankan pendekatan pendaftaran pemilih secara bergerak (*mobile*) dengan menggunakan

kenderaan karavan. Dengan adanya kemudahan tersebut, ia akan memberi peluang kepada SPR untuk menjalankan program turun padang/*outreach* dengan lebih agresif dan seterusnya memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendaftar sebagai pemilih.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPR sentiasa merancang dan merangka program turun padang/*outreach* bagi memberi kemudahan kepada orang awam di luar bandar/pedalaman untuk melaksanakan urusan pendaftaran pemilih. Antara program turun padang/*outreach* yang telah dilaksanakan sebelum ini adalah seperti berikut:

- (i) Program Pendaftaran Pemilih Di Kawasan Penempatan Masyarakat Orang Asli Gua Musang, Kelantan dari 1 hingga 4 September 2015;
- (ii) Program Bersama Masyarakat Orang Asli Pos Legap Dengan Kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Perak dan Kedah pada 24 hingga 25 September 2015; dan
- (iii) Program Singgah Mesra Di Penempatan Masyarakat Orang Asli, Kampung Bukit Kepong, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 6 Disember 2015.

Sekian, terima kasih.